



HLM Takaful **i-Kasih Care**

Bersama Menjaga,
Sentiasa Di Sisi Anda



Sila kunjungi mana-mana cawangan kami atau
hubungi 03-7650-1800
Layari www.hlmtakaful.com.my



INTERNATIONAL BUSINESS
MAGAZINE AWARDS 2024

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi Hong Leong MSIG Takaful Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Hong Leong MSIG Takaful Berhad adalah ahli PIDM.

Menjanjikan Kasih, Hadiah Sebuah Perlindungan



Kasih sayang bukan sekadar perasaan – namun merupakan satu komitmen. Ia tidak selalu diekspresikan melalui kejutan besar atau hadiah yang berbalut indah. Sering kali, tanda kasih sayang sejati ditunjukkan melalui janji yang penuh makna – untuk melindungi, menjaga dan sentiasa ada, terutamanya dalam saat-saat kehidupan yang tidak dapat dijangka.

Di HLM Takaful, kami percaya bahawa kasih sayang mekar seiring waktu. Ia bermula dengan kehadiran dan berkembang menjadi sebuah rasa tanggungjawab. Kerana itu kami memperkenalkan **HLM Takaful i-Kasih Care** – sebuah plan takaful yang direka untuk menjadikan perlindungan lebih mudah, senang diperolehi dan penuh makna untuk semua, tanpa pemeriksaan kesihatan yang rumit*.

Perlindungannya serba mudah – untuk perancangan hari ini dan cabaran hari esok. Dengan perlindungan asas terhadap kematian, hilang upaya dan kemalangan, plan ini memastikan orang tersayang kekal tabah dan disokong apabila perkara yang tidak dijangka berlaku dalam kehidupan. Selain itu, anda juga mempunyai fleksibiliti untuk memilih tempoh perlindungan – sehingga umur 60, 70 atau 80 tahun – disesuaikan mengikut keperluan anda.

Sertai sekarang dan lindungi mereka yang bermakna. Apabila kita saling menjaga, kita sentiasa ada untuk satu sama lain.

**Tertakluk kepada terma dan syarat yang berkenaan.*

MENGAPA HLM TAKAFUL i-KASIH CARE?



Fleksibiliti yang Sesuai dengan Keperluan Anda

Nikmati perlindungan yang disesuaikan mengikut keperluan anda – pilih tempoh perlindungan sehingga umur 60, 70 atau 80 dengan jumlah perlindungan sehingga RM250,000. Jika anda memilih untuk menamatkan perlindungan pada umur 60 atau 70, anda boleh kekal dilindungi melalui pilihan **Perlindungan Berterusan**, yang meneruskan perlindungan anda sehingga umur 80¹.

Perlindungan Menyeluruh yang Melindungi Anda

Anda akan dilindungi sekiranya berlaku kematian, sama ada disebabkan oleh sebab semula jadi atau kemalangan, serta perlindungan terhadap Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD) sehingga umur 75 tahun.

Pelan ini tidak terhenti di situ. Ia menyediakan manfaat Hilang Upaya Usia Tua (OAD), yang meneruskan perlindungan hilang upaya sehingga umur 80, membantu anda berasa selamat pada tahun-tahun mendatang.

Manfaat berikut akan dibayar:

| Manfaat Kematian/TPD/OAD | |
|---|---|
| Tempoh Perlindungan | Manfaat Dibayar |
| Dalam tempoh 2 tahun pertama dari tarikh permulaan atau pengembalian semula sijil, yang mana kemudian ² | <ul style="list-style-type: none"> Pemulangan semula Jumlah Sumbangan yang Telah Dibayar |
| Sekiranya kematian/TPD/OAD berlaku disebabkan oleh Kemalangan atau berlaku dari tahun ke-3 dan seterusnya, dari tarikh permulaan atau pengembalian semula sijil, yang mana kemudian | <ul style="list-style-type: none"> 100% daripada Jumlah Perlindungan Asas atau Jumlah Sumbangan Asas yang Telah Dibayar (yang mana lebih tinggi); DAN Nilai Akaun³ |

| Manfaat Kematian Akibat Kemalangan – dibayar sebagai tambahan kepada Manfaat Kematian | |
|---|---|
| Umur Dicapai Orang Dilindungi | Manfaat Dibayar |
| 18 – 65 (terpakai sehingga ulang tahun sijil berikutan hari jadi ke-65) | 300% daripada Jumlah Perlindungan Asas atau Jumlah Sumbangan Asas yang Telah Dibayar (yang mana lebih tinggi) |
| 66 dan seterusnya (terpakai dari ulang tahun sijil selepas hari jadi ke-65) | 150% daripada Jumlah Perlindungan Asas atau Jumlah Sumbangan Asas yang Telah Dibayar (yang mana lebih tinggi) |



Bantuan Tambahan Di Saat Memerlukan⁴

Anda juga akan menerima manfaat tambahan sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya, memberikan sokongan tambahan pada saat-saat paling sukar dalam hidup, kepada anda dan keluarga.



| Manfaat Pemulihan TPD | Manfaat Pengebumian |
|--|---|
| 25% daripada Jumlah Perlindungan Asas akan dibayar untuk membantu perjalanan pemulihan anda. | Sekiranya berlaku kematian, tambahan sebanyak RM3,000 akan dibayar kepada penuntut yang layak untuk meringankan beban kewangan pada waktu kehilangan. |

Manfaat Kematangan Sebagai Ganjaran Kehidupan Anda

Nilai Akaun³ akan dibayar apabila sijil matang sekiranya tiada tuntutan kematian, TPD atau OAD dibuat sepanjang tempoh perlindungan.

Jika anda merancang lebih awal untuk mencapai matlamat hidup yang bermakna – sama ada untuk pendidikan anak anda atau persaraan impian – anda mempunyai pilihan untuk menambah baik pelan anda dengan **Ganjaran Kematangan**, yang membayar 50% daripada Jumlah Perlindungan Asas apabila sijil matang bagi membantu merealisasikan impian tersebut.



Perkhidmatan Nilai Tambahan

Kami menawarkan pengaturan untuk membantu anda menunaikan kewajipan keagamaan atau menyumbang kepada badan kebajikan bagi pihak anda sekiranya anda meninggal dunia atau mengalami hilang upaya. Sila rujuk Soalan Lazim untuk maklumat lanjut.



Pelepasan Cukai Pendapatan

Anda layak mendapat pelepasan cukai peribadi apabila anda menyertai pelan ini, sehingga RM3,000, tertakluk kepada terma dan syarat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.



¹ Sumbangan tambahan mungkin diperlukan bagi tempoh lanjutan perlindungan.
² Dengan syarat kematian, TPD atau OAD adalah bukan disebabkan oleh Kemalangan.
³ Nilai Akaun adalah bersamaan nilai Akaun Peserta (PA). Nilai Akaun tersebut adalah berdasarkan prestasi sebenar dan pulangan pelaburan adalah tidak dijamin.
⁴ Manfaat-manfaat ini tidak akan dibayar sekiranya kematian atau TPD (yang mana berkenaan) berlaku dalam tempoh 2 tahun pertama dari tarikh permulaan atau pengembalian semula sijil, yang mana kemudian, dan bukan disebabkan oleh Kemalangan.

LANGKAH MUDAH ANDA KE ARAH PERLINDUNGAN TAKAFUL

AKMAL, 30 TAHUN

- Umur Akhir: 80
- Tempoh Perlindungan: 50 tahun
- Tempoh Sumbangan: 50 tahun
- Jumlah Perlindungan Asas: RM50,000
- Ganjaran Kematangan: Dipilih

Dengan hanya **RM148 sebulan**, saya akan dilindungi sekiranya berlaku:

KEMATIAN⁵



Kematian Biasa

RM50,000 atau Jumlah Sumbangan Asas yang Telah Dibayar (yang mana lebih tinggi) + Nilai Akaun (jika ada)



Kematian Akibat Kemalangan

- Sebelum umur 66
RM150,000 atau Jumlah Sumbangan Asas yang Telah Dibayar (yang mana lebih tinggi)
- Umur 66 dan seterusnya
RM75,000 atau Jumlah Sumbangan Asas yang Telah Dibayar (yang mana lebih tinggi)



Manfaat Pengebumian

RM3,000

HILANG UPAYA⁵



Manfaat TPD (sebelum umur 76)
RM50,000 atau Jumlah Sumbangan Asas yang Telah Dibayar (yang mana lebih tinggi) + Nilai Akaun (jika ada)



Manfaat Pemulihan TPD

RM12,500



Manfaat OAD (umur 76 dan seterusnya)

RM50,000 atau Jumlah Sumbangan Asas yang Telah Dibayar (yang mana lebih tinggi) + Nilai Akaun (jika ada)

KEMATANGAN



Ganjaran Kematangan

RM25,000



Nilai Akaun

Tingkatkan Nilai Akaun anda

Manfaatkan ciri **Savings Booster** dan nikmati potensi simpanan yang lebih tinggi!

merujuk kepada manfaat tambahan.

Infografik di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Ilustrasi Manfaat.

⁵ Sekiranya kematian, TPD atau OAD berlaku dalam tempoh 2 tahun pertama dari tarikh permulaan atau pengembalian semula sijil, yang mana kemudian, dan bukan disebabkan oleh Kemalangan, hanya Jumlah Sumbangan Yang Telah Dibayar akan dipulangkan semula.

JENIS DANA TAKAFUL

1. Akaun Peserta (PA)

Sumbangan yang dibayar, setelah ditolak Yuran Wakalah, akan dimasukkan ke dalam PA. PA akan diurus dan dilabur oleh Pengendali Takaful. Nilai PA adalah berdasarkan prestasi pelaburan sebenar dan pulangan adalah tidak dijamin. Sebarang keuntungan yang diperoleh daripada pelaburan PA akan dikongsi diantara peserta dan Pengendali Takaful pada kadar 90:10, berdasarkan prinsip Mudarabah⁶. Bahagian keuntungan peserta akan dikreditkan semula ke dalam PA. Sebarang risiko pelaburan daripada PA akan ditanggung sepenuhnya oleh peserta dan nilai PA mungkin lebih rendah daripada jumlah sumbangan yang telah dibayar.

2. Dana Risiko Peserta (PRF)

Secara bulanan, Tabarru' yang telah ditentukan akan ditolak daripada PA dan diperuntukkan ke dalam PRF, berdasarkan prinsip Iltizam Bi Al-Tabarru'⁷ untuk menyediakan perlindungan Takaful di bawah pelan ini. Manfaat Takaful yang dibayar daripada PRF adalah dijamin. Sebarang lebihan yang diperoleh daripada PRF akan diagihkan pada kadar 50:50 diantara peserta yang layak dan Pengendali Takaful berdasarkan prinsip Ju'alah⁸. Bahagian lebihan peserta akan dikreditkan semula ke dalam PA.

YURAN & CAJ

1. Wakalah Fee

Yuran Wakalah adalah yuran pentadbiran kami yang ditolak daripada sumbangan untuk membayar perbelanjaan pengurusan dan kos pengedaran langsung, termasuk komisen. Peratusan Yuran Wakalah berbeza mengikut tempoh sumbangan dan tahun sijil seperti yang ditunjukkan di bawah.

| Tempoh Sumbangan (tahun) | Tahun Sijil | | | | | | |
|--------------------------|-------------|-----|-----|-----|-----|-----|-----------------------------------|
| | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 sehingga akhir Tempoh Sumbangan |
| 10 | 48% | 46% | 46% | 45% | 45% | 42% | Tiada |
| 15 | 58% | 49% | 49% | 48% | 48% | 45% | |
| 20 | 68% | 54% | 52% | 50% | 50% | 48% | |

Di atas merupakan contoh Yuran Wakalah untuk tempoh sumbangan berbeza. Sila rujuk Illustrasi Manfaat bagi Yuran Wakalah yang terpakai bagi pelan anda.

⁶ Mudarabah bermaksud kontrak diantara anda dan kami di mana anda menyediakan sumbangan untuk diurus oleh kami bagi tujuan pelaburan. Sebarang keuntungan pelaburan dari PA akan dikongsi antara anda dan kami dalam nisbah 90:10. Sekiranya pelaburan mengalami kerugian, kerugian akan ditanggung oleh anda, dengan syarat kerugian tersebut tidak disebabkan oleh salah laku kami (ta'addi), kecuaihan (taqsir) atau pelanggaran terma-terma tertentu (mukhalafah al-shurut).

Jika anda memilih untuk menambah Savings Booster, Yuran Wakalah sebanyak 5% akan ditolak daripada sumbangan Savings Booster anda.

2. Tabarru'⁹

Tabarru' adalah bahagian daripada sumbangan yang dibayar yang akan diambil daripada PA dan diperuntukkan ke dalam PRF. Tabarru' akan digunakan untuk bantuan bersama di kalangan para peserta. Amaun Tabarru' bergantung kepada jumlah perlindungan, umur dan jantina orang dilindungi. Kadar Tabarru' adalah tidak dijamin.

3. Yuran Pentadbiran Bulanan⁹

RM8 akan ditolak daripada PA setiap bulan. Yuran ini bertujuan untuk perkhidmatan dan penyelenggaraan berkaitan dengan sijil anda. Yuran Pentadbiran Bulanan adalah tidak dijamin.

4. Yuran Serahan⁹

Yuran Serahan seperti yang ditunjukkan di bawah akan ditolak daripada Nilai Akaun.

| Tempoh Sumbangan (tahun) | Tahun Sijil | | |
|--------------------------|-------------|-----|--------------|
| | 1 | 2 | 3 dan keatas |
| 10 ke 14 | 25% | 20% | Tiada |
| 15 dan keatas | 30% | 25% | |

5. Yuran Pengeluaran Separa⁹

Pengeluaran Separa daripada Nilai Akaun adalah dibenarkan, tertakluk kepada jumlah pengeluaran minimum RM500 dan Nilai Akaun minimum RM1,000 selepas pengeluaran. Yuran Pengeluaran Separa seperti yang ditunjukkan di bawah akan ditolak daripada jumlah yang dikeluarkan.

| Tempoh Sumbangan (tahun) | Tahun Sijil | | |
|--------------------------|-------------|-----|--------------|
| | 1 | 2 | 3 dan keatas |
| 10 ke 14 | 25% | 20% | Tiada |
| 15 dan keatas | 30% | 25% | |

⁷ Iltizam Bi Al-Tabarru' bermaksud komitmen untuk melakukan Tabarru'.

⁸ Ju'alah bermaksud perjanjian di mana anda bersetuju untuk memberikan ganjaran kepada kami atas pencapaian atau prestasi baik kami dalam menguruskan PRF yang menyebabkan berlakunya lebihan dalam dana tersebut.

⁹ Kami berhak untuk menyemak semula yuran dan caj dengan memberikan peserta notis bertulis 90 hari.

SOALAN LAZIM

1. Apa itu Takaful?

Takaful merujuk kepada skim berdasarkan prinsip persaudaraan, perpaduan dan saling membantu. Ia menyediakan bantuan dan pertolongan kewangan kepada peserta-peserta pada saat memerlukan, berdasarkan persetujuan bersama dalam kalangan peserta untuk menyumbang bagi tujuan ini. Setiap peserta menyumbang berdasarkan Tabarru' (derma), dan sumbangan ini dikumpulkan bersama untuk menyediakan manfaat sekiranya berlaku kejadian malang kepada mana-mana peserta.

2. Apakah umur kemasukan minimum dan maksimum bagi HLM Takaful i-Kasih Care?

Umur kemasukan minimum adalah 18 tahun. Umur kemasukan maksimum bergantung kepada umur akhir yang dipilih, seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah:

| Umur Akhir | Umur Kemasukan Maksimum |
|------------|-------------------------|
| 60 | 50 |
| 70 | 60 |
| 80 | 70 |

3. Apakah perlindungan minimum dan maksimum bagi pelan ini?

Jumlah Perlindungan Asas bagi pelan ini bermula serendah RM35,000 sehingga maksimum RM250,000.

4. Adakah terdapat rider tambahan untuk meningkatkan perlindungan saya?

Tidak, tiada rider yang boleh dilampirkan kepada HLM Takaful i-Kasih Care.

5. Bagaimanakah Manfaat Kematangan dan Ganjaran Kematangan akan dibayar dibawah pilihan Perlindungan Berterusan?

Sekiranya pilihan Perlindungan Berterusan dipilih, Manfaat Kematangan tidak akan dibayar pada tempoh matang sijil asal, kerana Nilai Akaun (jika ada) akan digunakan untuk menampung yuran dan caj yang berkenaan semasa tempoh Perlindungan Berterusan. Manfaat Kematangan hanya akan dibayar pada tempoh matang sijil yang dilanjutkan.

Bagi Ganjaran Kematangan, ianya akan dibayar hanya satu kali pada tempoh matang sijil asal, dan tidak akan dibayar semula pada tempoh matang sijil yang dilanjutkan.

6. Apakah pilihan mod dan cara pembayaran sumbangan?

Anda boleh membayar sumbangan anda secara tahunan, setengah tahunan, suku tahunan atau bulanan melalui kad kredit atau debit, debit auto, debit terus, arahan tetap, Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA) atau pembayaran e-Dompet.

7. Bolehkah saya mengetahui dengan lebih lanjut tentang Perkhidmatan Nilai Tambahan?

Sekiranya berlaku kematian, TPD atau OAD, sebahagian daripada manfaat Takaful yang akan dibayar di bawah sijil anda akan ditolak dan dibayar kepada penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh kami. Butiran perkhidmatan yang boleh anda pilih adalah seperti yang disenaraikan di bawah:



Badal Hajj

RM7,000¹⁰

Melaksanakan rukun Haji di Mekah bagi pihak pelanggan Muslim yang tidak dapat melaksanakan Haji dengan sendirinya disebabkan penyakit, usia tua atau kematian.



Korban

RM750¹⁰

Menjalankan "Ibadah Korban" bagi pihak pelanggan Muslim termasuk pembelian dan penyembelihan binatang sembelihan seperti kambing, kambing biri-biri, lembu atau unta.



Wakaf

RM500

Pemberian sebahagian daripada harta secara sukarela, kekal dan tidak boleh diubah untuk tujuan keagamaan atau kebajikan.

¹⁰ Tertakluk kepada harga pasaran semasa pada tahun perkhidmatan dijalankan.

8. Apakah pengecualian untuk HLM Takaful i-Kasih Care?

- Tiada Manfaat Kematian kecuali Nilai Akaun dan Manfaat Pengebumian akan dibayar sekiranya kematian disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh bunuh diri dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh permulaan atau tarikh pengembalian semula sijil, yang mana kemudian.
- Manfaat TPD tidak akan dibayar sekiranya TPD disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh kecederaan yang disengajakan diri ketika waras atau tidak waras atau sebarang keadaan atau hilang upaya yang telah wujud sebelum atau pada tarikh permulaan atau tarikh pengembalian semula sijil, yang mana kemudian.
- Manfaat Kematian Akibat Kemalangan tidak akan dibayar sekiranya kematian akibat kemalangan berlaku secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh kecederaan yang disengajakan diri ketika waras atau tidak waras, peperangan yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, revolusi, sebarang operasi seperti peperangan, rusuhan dan kekacauan awam, mogok atau aktiviti keganasan.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk Sijil Takaful untuk senarai penuh pengecualian.

9. Apakah yang berlaku sekiranya saya menamatkan sijil saya lebih awal?

Anda boleh menyerahkan sijil anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Baki di dalam PA anda (jika ada) ditolak sebarang yuran serahan akan dibayar kepada anda. Jika pilihan Ganjaran Kematangan dipilih, nilai serahan tunai (jika ada) juga akan dibayar. Walau bagaimanapun, adalah dinasihatkan agar tidak memegang sijil ini untuk tempoh masa yang singkat memandangkan kos permulaan yang tinggi. Anda akan kehilangan manfaat di bawah sijil anda dan amaun yang akan dibayar kepada anda mungkin lebih kurang berbanding jumlah sumbangan yang telah anda bayar.

NOTA PENTING

1. Brosur ini memberikan ringkasan tentang ciri-ciri utama pelan Takaful dan tidak membentuk satu sijil Takaful. Anda hendaklah membaca Helaian Pendedahan Produk dan Ilustrasi Manfaat untuk maklumat tambahan dan sijil Takaful untuk terma dan syarat lengkap di bawah pelan Takaful ini.
2. Anda harus berpuas hati bahawa pelan Takaful ini adalah yang terbaik untuk memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang perlu dibayar di bawah pelan Takaful ini adalah dalam kemampuan anda.
3. Anda harus memberikan maklumat yang mencukupi dan tepat supaya nasihat yang sesuai dan kesesuaian pelan Takaful untuk memenuhi keperluan dan keadaan anda boleh diberikan kepada anda.
4. Anda berhak untuk memulangkan sijil Takaful anda dalam tempoh bertenang selama lima belas (15) hari daripada tarikh penghantaran sijil kepada anda. Sumbangan yang telah anda bayar akan dikembalikan kepada anda.
5. Prestasi pelaburan PA anda adalah tidak dijamin. Terdapat kemungkinan bahawa PA anda menjadi tidak mencukupi untuk membayar Tabarru' dan caj berkaitan lain disebabkan oleh pulangan pelaburan yang rendah atau sebarang pengeluaran separa yang dilakukan semasa tempoh sijil. Dalam keadaan tersebut, anda mungkin perlu membuat sumbangan tambahan jika anda mahu mengekalkan sijil Takaful anda.
6. Sekiranya sumbangan tidak dibayar, sijil Takaful anda akan kekal berkuat kuasa selagi baki di dalam PA anda mencukupi untuk menampung Tabarru' dan caj-caj berkaitan lain. Sekiranya PA anda tidak mencukupi untuk menampung semua caj dan tiada pembayaran dibuat oleh anda selepas tempoh ihsan selama 30 hari, sijil Takaful anda akan luput.
7. Penyertaan dalam sijil Takaful Keluarga sumbangan berkala adalah satu komitmen jangka masa panjang. Adalah tidak digalakkan untuk memegang pelan Takaful ini untuk tempoh masa yang singkat memandangkan kos permulaan yang tinggi.
8. Jika anda menamatkan sijil Takaful anda lebih awal, anda mungkin akan menerima amaun yang lebih rendah daripada amaun yang telah disumbangkan.
9. Sijil Takaful ini tidak akan memberikan apa-apa bayaran daripada PRF apabila penyerahan sijil Takaful kecuali nilai serahan tunai (jika ada).
10. Manfaat nilai serahan tunai hanya akan dibayar apabila sijil Takaful luput atau diserahkan sebelum atau pada tarikh matang sijil asal. Ia tidak akan dibayar selepas tempoh matang sijil asal.
11. Semua umur yang dinyatakan di dalam brosur ini adalah berdasarkan pada umur hari jadi akan datang.
12. Hong Leong MSIG Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi ejen HLM Takaful yang mesra hari ini!



This page is intentionally left blank.
Halaman ini sengaja dibiarkan kosong.

Diunderait oleh:

Hong Leong MSIG Takaful Berhad 200601018337 (738090-M)

Hong Leong MSIG Takaful Berhad adalah ahli
Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).

Untuk maklumat lanjut atau sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Ibu Pejabat

Tingkat 5, Menara B, PJ City Development,
No. 15A, Jalan 219, Seksyen 51A,
46100 Petaling Jaya,
Selangor, Malaysia.

Tel: 03-7650 1800

Emel: ReachUs@takaful.hongleong.com.my



www.hlmtakaful.com.my



Hong Leong MSIG Takaful Berhad



hlmtakaful